

13 APR 1997

Abdullah - Muhammad

PEMIMPIN CEMARI UMNO DIMINTA BERUNDUR

KEPALA BATAS, 13 April (Bernama) -- Mana-mana pemimpin Umno yang terbabit dengan kes yang boleh mencemarkan nama Umno perlu segera berundur diri bagi menjaga imej dan nama baik parti, kata Naib Presidennya Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya walaupun belum didapati bersalah oleh mahkamah, mereka yang menghadapi sesuatu tuduhan itu perlu segera mengundur diri sekiranya mereka benar-benar sayangkan Umno.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Umno Cawangan Bertam di sini, Abdullah yang juga Menteri Luar berkata, pengunduran diri Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamd Taib yang juga seorang daripada Naib Presiden Umno, adalah contoh terbaik bagaimana seseorang pemimpin perlu bertindak untuk menjaga nama baik parti.

Katanya peletakan jawatan Muhammad sebagai Menteri Besar, Ketua Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan serta Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan, juga merupakan tindakan yang boleh mengekalkan keyakinan rakyat terhadap Umno.

"Ini bermakna apabila berlaku sesuatu insiden, kepimpinan Umno dapat membuat keputusan cepat bagi memastikan parti tidak tercemar walaupun insiden berkenaan mungkin sedikit sebanyak telah mencemarkan nama parti," katanya.

Semalam, Muhammad, 51, melepaskan ketiga-tiga jawatan itu selepas mendengar pendapat seluruh anggota Majlis Tertinggi (MT) yang bermesyuarat untuk membincangkan masalah rasuah, salah guna kuasa dan kedudukan dalam Umno.

Muhammad, yang menjadi Menteri Besar Selangor sejak 14 Ogos, 1986 dijangka mengadakan persidangan akhbar esok.

Peletakan jawatan itu dibuat ekoran dakwaan bahawa beliau telah gagal untuk mengisytiharkan wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang dibawanya ketika ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane, Australia pada 22 Dis lepas.

Beliau juga dijangka menghadapi satu lagi tuduhan iaitu membuat pengisytiharan palsu apabila beliau menghadiri Mahkamah Majistret Brisbane pada Ogos ini.

Abdullah berkata pada mesyuarat semalam anggota-anggota MT yang hadir telah menyatakan sokongan penuh kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dalam apa juga tindakan untuk menangani gejala rasuah yang masih berlaku dalam parti.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menggesa anggota UMNO supaya menghormati keputusan Muhammad untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor.

Katanya semua pihak dalam parti perlu menerima keputusan itu kerana mesej Muhammad amat jelas kerana tidak mahu kes beliau dibabitkan dengan parti.

Katanya adalah menjadi tanggungjawab semua anggota parti untuk bertindak menjaga imej parti yang telahpun harum di dalam negeri dan peringkat dunia.

Kata Wan Mokhtar anggota UMNO perlu berlaku baik dan mengelakkan sebarang tindakan yang boleh merosakkan parti kerana mereka naik melalui parti.

"Kita berada dalam kerajaan kerana parti, kita naik kerana parti ... oleh kerana itu menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga nama baik parti

dan itulah yang dilakukan oleh Muhammad," katanya.

-- BERNAMA

RA MAI IB AHH